

**Bahasa Arab dalam Ibadah: Satu Kajian Kefahaman Pelajar
Universiti Malaysia Sabah (UMS)**
Arabic in Ibadah: A Study of UMS Students' Comprehension

SAINI AG. DAMIT PH.D¹,
NOORAFINI KASSIM²
NOR AIN MANAP³

^{1,2,3}Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu,
Sabah, Malaysia. ¹saini@ums.edu.my, ²noorafini@ums.edu.my, ³ain@ums.edu.my

Abstrak Bahasa Arab adalah antara bahasa tertua dan digunakan sebagai bahasa urusan rasmi, keagamaan, pendidikan dan bahasa pertuturan sehari-hari. Dianggarkan lebih dari 422 juta orang penutur bahasa Arab di seluruh dunia. Pada masa kini, penggunaan dan pembelajaran bahasa Arab semakin berkembang luas di seluruh dunia. Malaysia turut terlibat dalam perkembangan ini kerana bahasa Arab merupakan bahasa yang tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Melayu amnya dan umat Islam khasnya. Kajian ini adalah berkaitan dengan penggunaan bahasa Arab dalam ibadah sehari-hari. Ia bertujuan untuk menguji kefahaman pelajar kursus bahasa Arab, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu terhadap bahasa Arab yang digunakan dalam ibadah solat lima waktu. Kajian ini juga menggunakan kaedah kuantitatif melalui kajian lapangan dengan mengedarkan sebanyak 100 set soal selidik kepada pelajar. Data dan maklumat terkumpul dianalisis menggunakan SPSS Ver. 17 serta dipersembahkan dalam bentuk gambar rajah. Hasil kajian ini dapat menambah pemahaman tenaga pengajar, pelajar kursus bahasa Arab khasnya serta masyarakat amnya terhadap kepentingan memahami bahasa Arab yang digunakan ketika solat. Kajian ini membuktikan dengan memahami setiap bacaan dalam solat akan menambah kekhusukan dalam ibadah.

Kata kunci: Bahasa Arab, ibadah, bacaan solat, kefahaman, pelajar.

Abstract Arabic language is among the oldest languages and is used as the language of formality, religion, education, and everyday language. Nowadays, the usage and learning of Arabic language is increasingly widespread across the globe. Malaysia is also involved in this development because Arabic language cannot be parted from the Malay community in general and Muslims

in particular. The topic of the study encompasses the use of Arabic language in daily Ibadah. It aims to test the understanding of students who take Arabic language course in Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu on the usage of Arabic language in the five daily prayers. The study employed a quantitative method via field research by distributing one hundred sets of questionnaire to students. Data and information collected were analysed by using SPSS Ver. 17 and presented in the form of diagrams. The outcomes of the study enable the improvement of comprehension of instructors, the students of Arabic language course in particular, and the society in general on the significance of understanding the usage of Arabic language during prayers. The study proves that by comprehending each reading in prayers will increase khushoo (calmness) in ibadah.

Keywords: Arabic language, ibadah, prayer reading, comprehension, student.

PENGENALAN

Bahasa Arab adalah bahasa yang amat penting bagi seluruh umat Islam di dunia, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa al-Quran seperti firman Allah SWT yang bermaksud, “*Sesungguhnya kami menurunkan kitab itu sebagai Quran yang dibaca dalam bahasa Arab, semoga kamu (menggunakan akal) memahaminya*” (Surah *al-Zukhruf*: 3). Seluruh umat Islam bertanggungjawab untuk mempelajari bahasa Arab agar dapat memahami ajaran al-Quran dan *al-Hadīth* kerana kedua-duanya tertulis dalam bahasa Arab dan merupakan sumber rujukan utama kepada umat Islam.

Dianggarkan terdapat lebih daripada 422 juta orang penutur bahasa Arab di seluruh dunia (Kamarul Shukri Mat The & Mohd Shahrizal Nasir). Bagi alam Melayu, bahasa Arab mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap bangsa dan bahasa Melayu di mana perkataan yang asalnya daripada bahasa Arab diserapkan ke dalam bahasa Melayu dianggarkan jumlahnya di antara 1700 hingga 2000 patah perkataan (Ab. Halim Mohamad & Wan Muhammad Wan Sulong: 2013). Di samping itu, tulisan jawi juga menggunakan abjad Arab dengan penambahan huruf-huruf tertentu yang tidak terdapat dalam huruf Arab bagi menyesuaikan sebutan dalam bahasa Melayu. Walau bagaimanapun pada masa kini, generasi muda khususnya

kurang berkemahiran dalam tulisan jawi. Justeru, pelaksanaan j-QAF di sekolah-sekolah rendah di Malaysia adalah untuk memantapkan pembelajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain dalam kalangan murid.

Bahasa Arab bukanlah asing dalam alam Melayu. Al-Quran diturunkan dalam bahasa Arab. Setiap bacaan dalam ibadah solat sama ada solat fardu atau solat sunat semuanya menggunakan bahasa Arab. Solat menggunakan bahasa selain bahasa Arab adalah tidak sah. Persoalan yang timbul ialah, adakah kita memahami maksud *al-Fatihah* yang wajib dibaca dalam ibadah solat?. Begitu juga, adakah kita memahami surah-surah yang dibaca dalam solat, bacaan doa *iftitâh*, *rukû'*, *i'tidâl*, *sujûd*, duduk antara dua *sujûd*, *tâhîyyât*, doa *qunût*, doa-doa selepas solat dan sebagainya? Adakah kita akan membiarkan keadaan ini berterusan tanpa berusaha memahami setiap bacaan dalam ibadah solat?

Oleh hal yang demikian, amat perlu bagi kita mempelajari bahasa Arab dan berusaha untuk menguasainya, lebih-lebih lagi untuk memahami bacaan dalam solat dan doa-doa selepas solat. Dengan adanya pengetahuan dan penguasaan bahasa Arab serba sedikit, kita akan lebih memahami dan seterusnya menghayati ayat-ayat al-Quran serta dapat memahami maksud setiap bacaan dalam solat, doa, zikir dan sebagainya. Hal ini akan menambahkan lagi kekhusukan dalam beribadat khususnya dalam solat.

PERNYATAAN MASALAH

Pelajar-pelajar Islam di institusi pengajian tinggi di Malaysia sudah sedia maklum dan menghafal semua bacaan dalam ibadah, khususnya dalam ibadah solat semenjak di bangku sekolah rendah lagi. Seterusnya, diamalkan di peringkat sekolah menengah melalui pembelajaran Perkara Asas Fardu Ain (PAFA) dan mata pelajaran Pendidikan Islam.

Namun demikian, persoalan yang timbul, adakah para pelajar memahami semua bacaan dalam ibadah solat yang menggunakan bahasa Arab? Adakah para pelajar hanya memahami sebahagian daripadanya atau adakah para pelajar tidak memahami langsung apa yang dibaca atau disebabkan hanya menghafal dan mengingat sahaja.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan persoalan yang diutarakan di atas, maka kajian ini perlu dijalankan untuk melihat dan meneliti tentang kefahaman pelajar terhadap maksud bacaan dalam ibadah sehariannya khususnya dalam ibadah solat. Memahami bacaan dalam ibadah solat akan menambahkan kekhusukan dalam beribadat serta akan menjadikan ibadah yang dilakukan lebih berkualiti.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini amat penting kerana para pelajar seharusnya memahami setiap bacaan dalam ibadah solat. Solat merupakan tiang agama dan wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang *mukallaf* iaitu ‘*āqil bāligh*. Firman Allah SWT. yang bermaksud, ”*Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan ruku'lah kamu semua (berjama'ah) bersama-sama orang yang ruku'*” (Surah al-Baqarah: 43). Sabda Nabi SAW yang bermaksud, ”*Suruhlah kanak-kanak mengerjakan solat apabila berumur tujuh tahun dan apabila sudah sampai 10 tahun maka pukullah (sekiranya tidak bersolat)*” (Hadis riwayat Abū Daūd: 494), (*Sahih al-Bukhārī*. 2005. Terjemahan H. Zainuddin Hamidy *et al.*).

Bacaan dalam solat semuanya dalam bahasa Arab. Ia bukan semata-mata dihafal dan dibaca sahaja, namun harus difahami dan dihayati untuk kita lebih khusyuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dan untuk menjadikan ibadah kita lebih berkualiti.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap bacaan dalam ibadah khususnya dalam solat, mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap surah-surah lazim yang biasa dibaca dalam solat dan mengenal pasti kefahaman pelajar terhadap doa yang biasa dibaca selepas solat.

BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada pelajar-pelajar Islam yang mengambil kursus bahasa Arab sebagai kursus elektif di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa

(PPIB), UMS. Mereka terdiri daripada pelbagai etnik dan jurusan pengajian. Ada dalam kalangan mereka mempunyai asas bahasa Arab di peringkat sekolah rendah dan menengah dan ada yang tidak mempunyai asas langsung. Namun, semua mereka telah melalui pembelajaran pendidikan Islam, sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah serta telah mengikuti PAFA yang wajib diikuti oleh setiap pelajar Islam. Kajian ini merupakan kajian awal di mana tumpuan hanya difokuskan kepada perkara yang berkaitan dengan kefahaman pelajar terhadap maksud bacaan dalam ibadah solat, termasuk Surah *al-Fātiḥah*, enam surah lazim sebagai pilihan dan empat doa pilihan yang biasa dibaca selepas solat.

METODOLOGI KAJIAN

i. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif secara ‘*cross-sectional*’. Reka bentuk ‘*cross-sectional*’ dianggap bersesuaian dengan skop kajian kerana data kajian diperoleh menggunakan peralatan yang disediakan sekali sahaja tanpa perlu melakukan pungutan data yang seterusnya.

ii. Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan satu set borang soal selidik yang dibentuk sendiri oleh penyelidik. Borang soal selidik ini mengandungi sebanyak 24 item untuk dijawab oleh responden yang terdiri daripada pelajar-pelajar Islam yang mengikuti pembelajaran bahasa Arab di PPIB, UMS. Hasil kajian adalah semata-mata berdasarkan data yang diperoleh menggunakan set borang soal selidik.

iii. Reliabiliti Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang dibentuk oleh penyelidik telah diuji terlebih dahulu sebelum digunakan. Melalui prauji yang telah dijalankan, didapati bahawa nilai *Cronbach's Alpha* secara keseluruhannya ialah 0.887. Sehubungan itu, peralatan kajian ini adalah sesuai digunakan kerana mempunyai nilai kebolehpercayaan yang baik serta memadai.

iv. Analisis Data

Data kajian ini dianalisis menggunakan perisian komputer iaitu *Statistical Package for Social Scientists, Version 17* (SPSS, Ver. 17'). Perisian ini digunakan kerana ia dianggap sebagai perisian yang popular dalam kalangan penyelidik sains sosial. Namun demikian, penggunaan SPSS hanya meliputi analisis secara deskriptif sahaja, yakni hanya melibatkan peratusan dan bilangan suatu data bertujuan mendapatkan jawapan kepada segala persoalan yang diketengahkan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan kepada 100 orang pelajar yang mengambil Kursus Bahasa Arab di PPIB, UMS. Responden terdiri daripada 42 orang lelaki (42.0%) dan 58 orang (58.0%) perempuan yang berumur dalam lingkungan 19 tahun hingga 25 tahun. Sebanyak tiga orang (3.0%) berumur 19 tahun, 49 orang (49.0%) berumur 20 tahun dan 35 orang (35.0%) berumur 21 tahun, tujuh orang (7.0%) berumur 22 tahun dan masing-masing hanya seorang (1.0 %) berumur 23 dan 24 tahun, manakala yang selebihnya sebanyak empat orang (4.0%) berumur 25 tahun.

Responden bukannya penduduk asal negeri Sabah sahaja, bahkan mereka berasal dari pelbagai negeri di Semenanjung Malaysia, juga termasuk dari negara Brunei Darussalam. Kepelbagaian latar belakang responden membuktikan kajian ini bukan hanya tertumpu di negeri Sabah semata-mata, malah menyeluruh dari seluruh negeri dalam Malaysia termasuk seorang dari negara luar. Sebanyak 39 orang responden (39.0%) berasal dari negeri Sabah, 10 orang (10.0%) dari Kedah, tujuh orang (7.0%) masing-masing dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor, enam orang (6.0%) masing-masing dari negeri Johor dan Kelantan, lima orang (5.0%) masing-masing dari Melaka dan Terengganu, tiga orang masing-masing dari Perak dan Sarawak, manakala masing-masing seorang (1.0%) dari Wilayah Persekutuan Labuan, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Brunei Darussalam.

Responden terdiri daripada pelbagai bangsa dan keturunan. Bangsa Melayu mencatatkan bilangan yang paling ramai iaitu sebanyak 67 orang (67.0%). Bangsa Bugis sebanyak sembilan orang (9.0%), Brunei enam orang (6.0%), Sungai lima orang (5.0%), Bajau dan Dusun masing-masing sebanyak tiga orang (3.0%), manakala India, Iranun, Melanau, Kedayan, Tidung, Banjar dan Arab masing-masing seorang (1.0%).

Responden juga terdiri dari aliran sekolah yang berbeza-beza di UMS. Kajian yang dijalankan mendapati sebanyak 28 orang (28.0%) responden dari Sekolah Sains dan Teknologi (SST), 27 orang (27.0%) dari Sekolah Perubatan (SPU), 14 orang (14.0%) dari Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP), 13 orang (13.0%) dari Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), kemudian diikuti oleh Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) sebanyak enam orang (6.0%), Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) dan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) masing-masing sebanyak empat orang (4.0%), Sekolah Psikologi dan Kerja Sosial (SPKS) sebanyak tiga orang (3.0%), manakala seorang responden (1.0%) dari Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB).

Jadual 1
Tahun pengajian

Tahun Pengajian	Bilangan	Peratusan
Tahun Satu	68	68.0%
Tahun Dua	30	30.0%
Tahun Tiga	2	2.0%
Jumlah	100	100.0%

Jadual 1 menunjukkan tahun pengajian responden. Sebanyak 68 orang (68.0%) terdiri daripada tahun satu dan 30 orang (30.0%) tahun dua, manakala dua orang responden (2.0%) tahun tiga.

Jadual 2
Latar belakang pembelajaran bahasa Arab

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Pernah mempelajari bahasa Arab sebelum masuk UMS	63	63.0%
2.	Tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum masuk UMS	37	37.0%
	Jumlah	100	100.0%

Jadual 2 menerangkan latar belakang pembelajaran bahasa Arab. Sebanyak 63 orang responden (63.0%) menyatakan pernah mempelajari bahasa Arab sebelum masuk UMS, manakala 37 orang responden (37.0%) tidak pernah mempelajari bahasa Arab sebelum memasuki UMS.

Jadual 3
Tahap pembelajaran bahasa Arab

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	Sekolah rendah	25	25.0%
2.	Sekolah menengah	38	38.0%

Jadual 3 menunjukkan tahap pembelajaran bahasa Arab bagi pelajar yang telah mempelajari bahasa Arab di sekolah rendah atau menengah. Sebanyak 25 orang (25.0%) telah mendapat pendedahan dan belajar bahasa Arab di peringkat sekolah rendah dan sebanyak 38 orang (38.0%) di peringkat sekolah menengah, manakala baki responden sebanyak 37 orang (37.0%) tidak pernah mempelajari bahasa Arab sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Jadual 4
Mempelajari Pendidikan Islam di sekolah menengah

Bil.	Item	Ya	Tidak
1.	Pernah mempelajari pendidikan Islam di sekolah menengah	100 (100.0%)	0 0.0%
Jumlah		100	0

Jadual 3 menjelaskan tentang mempelajari pendidikan Islam di sekolah menengah. Kajian mendapati 100% responden pernah mempelajari pendidikan Islam di sekolah menengah. Hal ini membuktikan bahawa mereka telah mempelajari setiap maksud bacaan dalam solat, ayat-ayat lazim dan doa selepas solat kerana tajuk Ibadah Solat adalah tajuk asas dalam mata pelajaran pendidikan Islam, serta diajar secara berterusan dalam PAFA), sama ada di sekolah rendah mahupun sekolah menengah.

Jadual 5

Jenis sekolah menengah tempat belajar

Bil.	Item	Bilangan	Peratusan
1.	SMK	66	66.0%
2.	SM SAINS	10	10.0%
3.	SMKA	7	7.0%
4.	MRSRM	9	9.0%
5.	SMU	4	4.0%
6.	SM Harian	3	3.0%
7.	SM TEKNIK	1	1.0%
Jumlah		100	100.0%

Jadual 5 menunjukkan latar belakang jenis sekolah tempat responden belajar semasa di sekolah menengah. Daripada 100 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini, sebanyak 66 orang (66.0%) merupakan pelajar lepasan dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), 10 orang pelajar (10.0%) lepasan dari Sekolah Menengah Sains, sembilan orang pelajar (9.0%) lepasan dari Maktab Rendah Sains Mara (MRSRM), tujuh orang (7.0%) lepasan dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), empat orang (4.0%) lepasan dari Sekolah Menengah Ugama (SMU) dan tiga orang (3.0%) lepasan dari sekolah menengah harian (SM Harian), manakala seorang pelajar (1.0%) dari Sekolah Menengah Teknik.

Jadual 6

Bacaan dalam solat

Bil.	Item	1	2	3	4
1.	Doa <i>iftitāḥ</i>	15 (15.0%)	41 (41.0%)	39 (39.0%)	5 (5.0%)
2.	Bacaan dalam <i>rukū'</i>	39 (39.0%)	27 (27.0%)	24 (24.0%)	10 (10.0%)
3.	Bacaan <i>i'tidāl</i>	28 (28.0%)	30 (30.0%)	28 (28.0%)	14 (14.0%)
4.	Bacaan dalam <i>sujūd</i>	37 (37.0%)	26 (26.0%)	27 (27.0%)	10 (10.0%)
5.	Bacaan duduk antara dua <i>sujūd</i>	19 (19.0%)	38 (38.0%)	34 (34.0%)	9 (9.0%)
6.	Bacaan <i>tahiyyāt</i> .	16 (16.0%)	42 (42.0%)	34 (34.0%)	8 (8.0%)
7.	Bacaan <i>qunūt</i> .	6 (6.0%)	27 (27.0%)	49 (49.0%)	18 (18.0%)

Singkatan:

1: Faham keseluruhan, 2: Faham sebahagian, 3: Faham sedikit dan 4: Tidak faham langsung.

Jadual 6 menunjukkan tentang kefahaman pelajar terhadap bacaan dalam solat. Terdapat tujuh item berkaitan bacaan dalam solat. Setiap item akan dianalisis satu persatu.

Pertama, kefahaman pelajar tentang doa *iftitāh*. Doa *iftitāh* bermaksud doa pembukaan atau doa pertama yang dibaca ketika solat selepas niat dan *takbīratul iḥrām*. Doa *iftitāh* termasuk di dalam sunat *hai’ah* dalam solat. Sunat *hai’ah* tidak menjadi apa-apa masalah seandainya ditinggalkan daripada melakukannya (Ismail Kamus, 2009:97). Terjemahan doa *iftitāh* adalah seperti berikut:

“Allah maha besar, sebesar-besarnya dan puji-pujian bagi Allah sebanyak-banyaknya. Maha suci Allah siang dan malam. Ku hadapkan mukaku kepada yang menjadikan langit dan bumi. Aku berpegang teguh lagi berserah kepada Allah dan bukanlah aku daripada golongan orang-orang yang menyekutukan Allah. Sesungguhnya solatku, ibadatku, hidupku, dan matiku, ku serahkan hanya kepada Allah, Tuhan semesta alam. Sekali-kali tidaklah aku menyekutukan-Nya. Dengan demikian itulah aku diperintahkan, dan aku termasuk dalam golongan orang-orang Islam” (Ibrahim Hashim dan Isahak Haron, 2012: 35).

Dari 100 responden yang dikaji, sebanyak 15 orang pelajar (15.0%) menyatakan memahami secara keseluruhan bacaan doa *iftitāh*, 41 orang pelajar (41.0%) faham sebahagian bacaan daripada keseluruhan, 39 orang pelajar (39.0%) menyatakan faham sedikit bacaan tersebut, manakala lima orang (5.0%) tidak faham langsung doa *iftitāh*.

Kedua, kefahaman pelajar terhadap bacaan dalam *rukū’*. Maksud bacaan dalam *rukū’* ialah “*Maha suci Tuhanku yang Maha Besar dan dengan segala puji-pujianNya*” (Ismail Kamus, 2009: 99, Ibrahim Hashim dan Isahak Haron: 87). Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 39 orang pelajar (39.0%) memahami maksud bacaan dalam *rukū’* secara keseluruhan. 27 orang pelajar (27.0%) memahami sebahagian makna bacaan

ruku', 24 orang pelajar (24.0%) hanya memahami sedikit sahaja, manakala sepuluh orang pelajar (10.0%) tidak memahami langsung kesemua bacaan dalam *ruku'*.

Ketiga, kefahaman pelajar terhadap bacaan semasa *i'tidāl*. Maksud bacaan *i'tidāl* ialah: “*Allah mendengar orang yang memujiNya*” (Ismail Kamus, 2009: 89, Ibrahim Hashim & Isahak Haron: 87). *I'tidāl* adalah pergerakan solat yang termasuk dalam rukun solat. Ia dilakukan dengan berdiri secara tegak dan *tama'ninah* selepas melakukan *ruku'* serta mengangkat tangan setinggi telinga (Ismail Kamus, 2009:97, Sanihiyyah Mz, 2007:101). Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 28 orang pelajar (28.0%) menyatakan faham keseluruhan bacaan *i'tidāl*, 30 orang pelajar (30.0%) menyatakan faham sebahagian bacaan dan 28 orang pelajar (28.0%) memahami sedikit sahaja bacaan *i'tidāl*, manakala 14 orang pelajar (14.0%) tidak faham langsung kesemua bacaan *i'tidāl*. Walaupun bacaan *i'tidāl* ini pendek dan tidak terlalu sukar difahami, masih ada pelajar yang tidak memahaminya secara keseluruhan.

Keempat, kefahaman pelajar terhadap makna bacaan dalam *sujūd*. Maksud bacaan dalam *sujūd* ialah: “*Maha suci TuhanKu yang Maha Tinggi dan dengan segala puji-pujianNya*” (Ismail Kamus, 2009:99, Ibrahim Hashim & Isahak Haron :87). *Sujūd* ialah meletakkan wajah ke lantai atau bumi sewaktu *sujūd* dan membaca *tasbih sujūd* sebanyak tiga kali (Sanihiyyah Mz, 2007: 102). Terdapat empat anggota sujud iaitu dahi, dua tapak tangan, dua lutut, dua perut jari kaki (Ismail Kamus, 2009: 90). Melalui kajian yang dijalankan terhadap 100 orang pelajar, terdapat sebanyak 37 orang pelajar (37.0%) memahami secara keseluruhan maksud bacaan dalam *sujūd*. 26 orang pelajar (26.0%) memahami sebahagian bacaan dalam *sujūd* dan 27 orang pelajar (27.0%) hanya memahami sedikit sahaja, manakala sebanyak 10 orang pelajar (10.0%) tidak memahami langsung semua makna bacaan dalam *sujūd*.

Kelima, kefahaman pelajar terhadap makna duduk antara dua sujud. Maksud bacaan duduk antara dua *sujūd* ialah, “*Wahai TuhanKu, ampunilah dosaku, belas kasihanilah aku, cukupkanlah kekuranganku, angkatlah darjatku, berilah rezeki padaku, berilah aku petunjuk dan*

berilah kesihatan untukku serta berilah kemaafan padaku” (Ismail Kamus, 2009: 92, Ibrahim Hashim & Isahak Haron: 95). Duduk antara dua *sujūd* merupakan rukun pendek dalam solat dan tidak boleh memanjangkan masa duduk ini (Ismail Kamus, 2009: 92). Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 19 orang pelajar (19.0%) menyatakan faham secara keseluruhan maksud bacaan duduk antara dua *sujūd*, 38 orang pelajar (38.0%) menyatakan faham sebahagian bacaan tersebut dan 34 orang pelajar (34.0%) menyatakan hanya faham sedikit sahaja bacaan tersebut. Sementara itu, sembilan orang pelajar (9.0%) tidak memahami langsung kesemua bacaan dalam duduk antara dua *sujūd*.

Keenam, kefahaman pelajar terhadap makna bacaan *tahiyyāt*. Maksud bacaan *tahiyyāt* ialah:

“Segala penghormatan yang berkat solat yang baik adalah untuk Allah. Sejahtera atas engkau wahai Nabi dan rahmat Allah serta keberkatannya. Sejahtera ke atas kami dan atas hamba-hamba Allah yang soleh. Aku naik saksi bahawa tiada Tuhan melainkan Allah dan aku naik saksi bahawasanya Muhammad itu adalah pesuruh Allah. Ya Tuhan kami, selawatkanlah ke atas Nabi Muhammad dan ke atas keluarganya. Sebagaimana Engkau selawatkan ke atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim. Berkatilah ke atas Muhammad dan atas keluarganya sebagaimana Engkau berkati ke atas Ibrahim dan atas keluarga Ibrahim di dalam alam ini. Sesungguhnya Engkau Maha Terpuji lagi Maha Agung” (Ismail Kamus, 2009: 92)

Melalui hasil kajian yang dijalankan mendapati, sebanyak 16 orang pelajar (16.0%) menyatakan faham secara keseluruhan maksud bacaan *tahiyyāt*, 42 orang pelajar (42.0%) menyatakan faham sebahagian bacaan *tahiyyāt* dan 34 orang pelajar (34.0%) menyatakan faham sedikit sahaja bacaan *tahiyyāt*. Sementara itu, lapan orang pelajar (8.0%) menyatakan tidak memahami langsung kesemua bacaan *tahiyyāt*.

Ketujuh dan yang terakhir ialah kefahaman pelajar terhadap makna bacaan doa *Qunūt*. Maksud doa *Qunūt* ialah:

“Ya Allah, berilah aku petunjuk sebagaimana orang-orang yang telah Engkau tunjuki. Sejahterakanlah aku sebagaimana orang-orang yang telah Engkau sejahterakan. Pimpinlah aku sebagaimana orang-orang

yang telah Engkau pimpin. Berkatilah hendaknya untukku apa-pa yang telah Engkau berikan padaku. Jauhkanlah aku daripada segala kejahatan yang telah Engkau tetapkan. Sesungguhnya hanya Engkau sahajalah yang menetapkan, dan tiada siapa pun yang berkuasa menetapkan sesuatu selain daripada Engkau. Sesungguhnya tidak terhina orang yang memperolehi pimpinan-Mu dan tidak mulia orang-orang yang Engkau musuhi. Telah memberi berkat Engkau, ya Tuhan kami dan Maha Tinggi Engkau hanya untuk Engkau sahajalah segala macam puji terhadap apa-apa yang telah Engkau tetapkan dan aku minta ampun dan bertaubat kepada Engkau dan Allah rahmatilah Muhammad, Nabi yang ummi dan sejahtera ke atas keluarganya dan sahabat-sahabatnya” (Ismail Kamus, 2009:101).

Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak enam orang pelajar (6.0%) memahami secara keseluruhan bacaan doa *Qunūt*, 27 orang pelajar (27.0%) memahami sebahagian bacaan dan 49 orang pelajar (49.0%) memahami sedikit sahaja bacaan doa *Qunūt*, sementara itu 18 orang pelajar (18.0%) langsung tidak memahami keseluruhan doa *Qunūt*.

Jadual 7
Surah *al-Fātiḥah*

Bil.	Item	1	2	3	4
1.	Surah <i>al-Fātiḥah</i>	63 (63.0%)	26 (26.0%)	9 (9.0%)	2 (2.0%)

Singkatan:

1: Faham keseluruhan, 2: Faham sebahagian, 3: Faham sedikit dan 4: Tidak faham langsung.

Jadual 7 menunjukkan kefahaman pelajar terhadap bacaan *al-Fātiḥah*. Surah *al-Fātiḥah* adalah salah satu rukun solat yang perlu dipatuhi dan tidak boleh ditinggalkan ketika menunaikan solat (Mustafa al-khin, 2008: 132). Rasulullah SAW telah bersabda yang bermaksud, “*Tidak sah solat bagi sesiapa yang tidak membaca Surah al-Fātiḥah*” (Riwayat al-Bukhari: 233).

Surah *al-Fātiḥah* wajib dibaca pada setiap rakaat dalam solat. Kefahaman yang mendalam terhadap surah ini adalah amat penting bagi melahirkan kekhusyukan ketika beribadah kepada Allah SWT. Antara tujuan

utama kajian ini adalah untuk menguji tahap kefahaman pelajar tentang Surah *al-Fātiḥah*. Hasil kajian mendapati, daripada 100 orang responden yang terlibat dalam kajian ini, lebih separuh iaitu 63 orang (63.0%) faham keseluruhan Surah *al-Fātiḥah*. Walaupun demikian, masih terdapat pelajar yang tidak memahami secara menyeluruh Surah *al-Fātiḥah*, walaupun surah ini merupakan surah wajib yang mesti dibaca dalam solat, iaitu 26 orang (26.0%) hanya memahami sebahagian surah dan sembilan orang (9.0%) pula hanya memahami sedikit sahaja, manakala terdapat dua orang pelajar (2.0%) tidak faham langsung maksud dan terjemahan Surah *al-Fātiḥah*.

Jadual 8
Surah-surah lazim

Bil.	Item	1	2	3	4
1.	Surah <i>al-Falaq</i>	17 (17.0%)	25 (25.0%)	45 (45.0%)	13 (13.0%)
2.	Surah <i>al-Masad</i>	8 (8.0%)	20 (20.0%)	49 (49.0%)	23 (23.0%)
3.	Surah <i>al-Kāfirūn</i>	29 (29.0%)	26 (26.0%)	35 (35.0%)	10 (23.0%)
4.	Surah <i>al-Kawthar</i>	10 (10.0%)	30 (30.0%)	38 (38.0%)	22 (22.0%)
5.	Surah <i>al-Mā‘ūn</i>	4 (4.0%)	16 (16.0%)	50 (50.0%)	30 (30.0%)
6.	Surah <i>al-Fīl</i>	13 (13.0%)	28 (28.0%)	43 (43.0%)	16 (16.0%)

Singkatan:

1: Faham keseluruhan, 2: Faham sebahagian, 3: Faham sedikit dan 4: Tidak faham langsung.

Jadual 8 menunjukkan kefahaman pelajar terhadap surah-surah lazim yang biasa dibaca dalam solat. Pengkaji hanya memilih enam surah yang biasa dibaca dalam solat iaitu Surah *al-Falaq*, Surah *al-Masad*, Surah *al-Kāfirūn*, Surah *al-Kawthar*, Surah *al-Mā‘ūn* dan Surah *al-Fīl* untuk menilai sejauh mana kefahaman pelajar terhadap surah-surah yang biasa dibaca dalam solat.

Pertama, Surah *al-Falaq*. Surah *al-Falaq* terdiri daripada lima ayat yang bermaksud:

[1] Katakanlah (wahai Muhammad); “Aku berlindung kepada (Allah) Tuhan yang menciptakan sekalian makhluk. [2] “Dari bencana makhluk-makhluk yang Ia ciptakan. [3] “Dan dari bahaya gelap apabila ia masuk. [4] “Dan dari kejahatan makhluk-makhluk yang menghembus-hembus pada simpulan-simpulan (dan ikatan-ikatan). [5] “Dan dari kejahatan orang yang dengki apabila ia melakukan dengkinya”.(<http://www.alquran-melayu.com/>, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman:1747–1748).

Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 17 orang pelajar (17.0%) memahami keseluruhan maksud Surah *al-Falaq*, 25 orang pelajar (25.0%) memahami sebahagian sahaja maksud Surah *al-Falaq* dan 45 orang pelajar (45.0%) hanya memahami sedikit sahaja Surah *al-Falaq*. Sementara itu, 13 orang pelajar (13.0%) tidak memahami langsung keseluruhan Surah *al-Falaq*.

Kedua, Surah *al-Masad*. Surah ini juga dinamakan Surah *al-Lahab*, iaitu terdiri daripada lima ayat yang bermaksud:

[1] Binasalah kedua-dua tangan Abu Lahab, dan binasalah ia bersama. [2] Hartanya dan segala yang diusahakannya, tidak dapat menolongnya. [3] Ia akan menderita bakaran api neraka yang marak menjulang. [4] Dan juga isterinya, seorang perempuan pemunggah kayu api. [5] Di lehernya sejenis tali, dari tali-tali yang dipintal (<http://www.alquran-melayu.com/>, 12.09.2012, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 1743).

Melalui hasil kajian yang diperoleh, sebanyak lapan orang pelajar (8.0%) memahami secara keseluruhan maksud Surah *al-Masad*, 20 orang pelajar (20.0%) memahami sebahagian sahaja Surah *al-Masad* dan 49 orang pelajar (49.0%) hanya memahami sedikit sahaja surah tersebut. Sementara itu, 23 orang pelajar (23.0%) tidak memahami langsung surah tersebut.

Ketiga, Surah *al-Kāfirūn*. Surah ini terdiri daripada enam ayat yang bermaksud:

“[1] Katakanlah (wahai Muhammad): “Hai orang-orang kafir![2] “Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah.[3] “Dan kamu tidak mahu menyembah (Allah) yang aku sembah.[4] “Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat.[5] “Dan kamu pula tidak mahu

beribadat secara aku beribadat.[6] “Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku” (<http://www.alquran-melayu.com/>, 12.09.2012, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman:1739).

Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 29 orang pelajar (29.0%) memahami secara keseluruhan maksud Surah *al-Kāfirūn*, 26 orang pelajar (26.0%) memahami sebahagian sahaja surah tersebut dan 35 orang pelajar (35.0%) hanya memahami sedikit sahaja daripada surah tersebut. Sementara itu, sepuluh orang pelajar (10.0%) langsung tidak memahami keseluruhan Surah *al-Kāfirūn*.

Keempat, Surah *al-Kawthar*: Surah ini terdiri daripada tiga ayat yang bermaksud:

[1] Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad) kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). [2] Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata, dan sembelihlah korban (sebagai bersyukur). [3] Sesungguhnya orang yang bencikan engkau, Dialah yang terputus (dari mendapat sebarang perkara yang diingininya). (<http://www.alquran-melayu.com/>, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 1737).

Kajian ini mendapati, sebanyak sepuluh orang pelajar (10.0%) memahami keseluruhan maksud Surah *al-Kawthar*, 30 orang pelajar (30.0%) memahami sebahagian sahaja daripada surah tersebut dan 38 orang pelajar (38.0%) hanya memahami sedikit sahaja maksud Surah *al-Kawthar*. Sementara itu, sebanyak 22 orang pelajar (22.0%) langsung tidak memahami surah tersebut.

Kelima, Surah *al-Mā ‘ūn*. Surah *al-Mā ‘ūn* terdiri daripada tujuh ayat yang bermaksud:

[1] Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama (meliputi hari pembalasan)? [2] Orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, [3] Dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang miskin. [4] (Kalau orang yang demikian dikira dari bilangan orang-orang yang

mendustakan agama), maka kecelakaan besar bagi orang-orang ahli sembahyang. [5] (laitu) mereka yang berkeadaan lalai daripada menyempurnakan sembahyangnya. [6] (Juga bagi) orang-orang yang berkeadaan riak (bangga diri dalam ibadat dan bawaannya). [7] Dan orang-orang yang tidak memberi sedikit pertolongan (kepada orang yang berhak mendapatnya). (<http://www.alquran-melayu.com/>, 12.09.2012, Imam Jalaluddin al-Suyūtī, 2002: 917, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 1734-1735).

Kajian yang dijalankan terhadap 100 orang responden mendapat sebanyak empat orang pelajar (4.0%) memahami keseluruhan maksud Surah *al-Mā'ūn*, 16 orang pelajar (16.0%) memahami sebahagian sahaja daripada keseluruhan Surah *al-Mā'ūn*, dan 50 orang pelajar (50.0%) hanya memahami sedikit sahaja maksud surah ini. Sementara itu, 30 orang pelajar (30.0%) tidak memahami langsung kesemua maksud Surah *al-Mā'ūn*.

Seterusnya yang terakhir ialah Surah *al-Fil*. Surah *al-Fil* terdiri daripada lima ayat yang bermaksud:

[1] Tidakkah engkau mengetahui bagaimana Tuhanmu telah melakukan kepada angkatan tentera (yang dipimpin oleh pembawa) Gajah, (yang hendak meruntuhkan Kaabah)? [2] Bukankah Tuhanmu telah menjadikan rancangan jahat mereka dalam keadaan yang rugi dan memusnahkan mereka?. [3] Dan Ia telah menghantarkan kepada mereka (rombongan) burung berpasuk-pasukan. [4] Yang melontar mereka dengan batu-batu dari sejenis tanah yang dibakar keras. [5] Lalu Ia menjadikan mereka hancur berkecaci seperti daun-daun kayu yang dimakan ulat (<http://www.alquran-melayu.com/>, Tafsir Pimpinan Ar-Rahman: 1730).

Kajian yang dilakukan turut mendapat, sebanyak 13 orang pelajar (13.0%) menyatakan faham keseluruhan maksud Surah *al-Fil*. 28 orang pelajar (28.0%) memahami sebahagian sahaja daripada keseluruhan Surah *al-Fil* dan 43 orang pelajar (43.0%) memahami hanya sedikit sahaja maksud surah tersebut, manakala 16 orang pelajar (16.0%) tidak faham langsung kesemua maksud Surah *al-Fil*.

Jadual 9

Bacaan doa

Bil.	Item	1	2	3	4
1.	رَبُّ الْفَخْرِيْنَ وَلِوَالدِّيْنِ وَارْجُهُمَا كَمَا يَرَى يَنِيْصِرُ.	56 (56.0%)	16 (16.0%)	18 (18.0%)	10 (10.0%)
2.	رَبَّنَا لَا تُنْعِيْنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَمَبْتَدِئْنَا مِنْ لَدُنْكَ رَمْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْأَوْعَادُ.	35 (35.0%)	23 (23.0%)	30 (30.0%)	12 (12.0%)
3.	رَبَّنَا طَلَمْنَا أَنْعَسْنَا وَإِنْ لَمْ تَعْفِرْنَا وَتَرْجِعْنَا لِنَحْنُنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ.	30 (30.0%)	21 (21.0%)	34 (34.0%)	15 (15.0%)
4.	رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.	59 (59.0%)	17 (17.0%)	19 (19.0%)	5 (5.0%)

Singkatan:

1: Faham keseluruhan, 2: Faham sebahagian, 3: Faham sedikit dan 4: Tidak faham langsung.

Jadual 9 menunjukkan kefahaman pelajar terhadap doa-doa yang biasa dibaca selepas solat. Doa merupakan satu bentuk ibadah kepada Allah SWT dan salah satu cara untuk mendidik jiwa supaya sentiasa mengingati Allah. Perkataan doa diambil daripada perkataan bahasa Arab yang merupakan nama terbitan (*maṣdar*) dari kata kerja *da‘ā*. Dari sudut bahasa, ianya bererti seruan, panggilan, ajakan atau permintaan (al-Mu‘jam al-‘rabiyy al-Kabir: 746–747). Jika dilihat dari segi pengertian syarak pula, doa bermaksud memohon kepada Allah SWT dengan meminta kebaikan dari sisi-Nya dengan penuh ketulusan hati dan penuh pengharapan. Firman Allah SWT yang bermaksud, “*Berdoalah kepadaKu, nescaya akan Ku perkenankan bagimu...*” (Surah Ghāfir: 60).

Pemilihan doa dalam kajian ini adalah berdasarkan doa lazim dan ringkas yang selalu diamalkan dalam ibadah. Antara koleksi doa yang dipilih adalah doa memohon keampunan untuk ibu bapa, doa memohon ketetapan hati, doa menyesali kesalahan dan doa memohon keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat. Doa-doa ini merupakan antara doa yang selalu diamalkan oleh seseorang dalam menunaikan ibadah. Malahan di peringkat sekolah rendah, doa ini diajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam dan ditekankan dalam doa harian.

Berdasarkan kajian yang dijalankan, sebanyak 56 orang (56.0%) memahami keseluruhan makna dan terjemahan doa memohon keampunan untuk ibu bapa. Ia merupakan satu jumlah yang baik di mana, lebih separuh daripada pelajar mempunyai kefahaman yang menyeluruh, iaitu 16 orang (16.0%) hanya faham sebahagian, serta 18 orang lagi (18.0%) hanya faham sedikit sahaja makna dan terjemahan doa tersebut. Walaupun doa memohon keampunan kedua ibu bapa ini merupakan doa lazim yang selalu diamalkan oleh para pelajar, masih terdapat pelajar yang tidak faham langsung makna serta terjemahan doa tersebut, iaitu sebanyak sepuluh orang (10.0%).

Berkaitan dengan doa memohon ketetapan hati, hanya 35 orang (35.0%) yang faham keseluruhan doa tersebut, 23 orang (23.0%) faham sebahagian dan 34 orang (34.0%) hanya faham sedikit sahaja. Sementara itu, 12 orang (12.0%) tidak faham langsung doa memohon ketetapan hati.

Doa ketiga yang dipilih dalam kaji selidik ini ialah doa menyesali kesalahan. Sebanyak 30 orang (30.0%) faham keseluruhan doa tersebut, 21 orang (21.0%) faham sebahagian dan 34 orang (34.0%) hanya faham sedikit sahaja. Sementara itu, 15 orang (15.0%) tidak memahami langsung doa tersebut.

Doa yang terakhir yang dipilih adalah doa memohon keselamatan dan kebahagian di dunia dan akhirat. Sebanyak 59 orang pelajar (59.0%) memahami keseluruhan doa tersebut, 17 orang (17.0%) memahami sebahagian sahaja dan sebanyak 19 orang (19.0%) hanya faham sedikit sahaja daripada keseluruhan doa tersebut. Selebihnya iaitu lima orang (5.0%) tidak memahami memahami langsung maksud doa tersebut.

RUMUSAN

Mempelajari bahasa Arab banyak membantu meningkatkan tahap kefahaman pelajar dalam ibadah. Hal ini bukan sahaja membantu pelajar memahami maksud setiap ayat yang dibaca, tetapi juga sekali gus dapat meningkatkan khusyuk dalam ibadah sehariannya mereka. Walau bagaimanapun, masih terdapat pelajar yang menghadapi masalah dalam memahami bacaan dalam solat, surah, dan doa serta perkara-perkara asas dalam ibadah walaupun mereka mempunyai asas dalam bahasa Arab mahupun pendidikan Islam

di peringkat sekolah rendah dan menengah. Berdasarkan hakikat inilah, didapati bahawa ramai orang yang belajar bahasa Arab, tetapi tidak ramai yang dapat menguasainya dalam erti kata yang sebenarnya. Puncanya ialah cara pembelajaran yang tidak seimbang. Realiti ini sudah tentu amat merugikan.

Contohnya, kita dapat lihat dalam analisis bacaan dalam solat yang bermula daripada bacaan doa *iftitāh*, *rukū'*, *i'tidāl*, *sujūd*, duduk antara dua *sujūd*, *tahiyyāt* hingga doa *Qunūt*, iaitu pelajar yang memahami secara keseluruhan hanya antara 6% hingga 39% sahaja daripada 100 orang pelajar yang dikaji. Peratusan ini menunjukkan tidak sampai 50% pelajar memahami maksud keseluruhan bacaan dalam solat. Peratusan yang tinggi dalam memahami keseluruhan bacaan dalam solat ialah hanya pada bacaan *rukū'* dan *sujūd* iaitu antara 37% dan 39%. Perkara ini berlaku kerana kedua-dua bacaan ini adalah yang paling pendek dan mudah diingat serta difahami maksudnya, manakala peratusan yang paling rendah ialah pada bacaan doa *Qunūt* iaitu sebanyak 6%.

Peratusan yang paling tinggi adalah hanya memahami sebahagian dan sedikit sahaja makna bacaan dalam solat iaitu antara 26% hingga 49%, terutamanya pada bacaan yang panjang seperti doa *iftitāh* (39%-41%), *tahiyyāt* (34%-42%) dan *qunūt* (27%-49%). Kita sedia maklum kerana doa ini agak panjang untuk diingat maknanya. Namun demikian, masih terdapat pelajar yang tidak memahami maksud keseluruhan bacaan dalam solat, iaitu antara 5% hingga 18% walaupun dibaca setiap hari dalam solat. Doa *qunūt* merupakan peratusan yang tinggi, yang langsung tidak difahami maksudnya, iaitu sebanyak 18%.

Dalam Surah *al-Fātiḥah*, majoriti pelajar memahami keseluruhan maksud surah tersebut iaitu sebanyak 63%. Terdapat juga pelajar yang memahami sedikit dan sebahagian sahaja maksud Surah *al-Fātiḥah* iaitu antara 9%-26%. Namun demikian, masih terdapat 2% yang tidak memahami langsung maksud Surah *al-Fātiḥah*, walaupun surah ini wajib dibaca sebanyak 17 kali dalam solat fardu lima waktu dan belum termasuk solat-solat sunat lagi.

Berkaitan dengan surah-surah lazim iaitu Surah *al-Falaq*, Surah *al-Masad*, Surah *al-Kāfirūn*, Surah *al-Kawthar*, Surah *al-Mā’ūn* dan Surah *al-Fil*, analisis yang telah dilakukan mendapati majoriti pelajar hanya memahami sedikit dan sebahagian sahaja daripada keseluruhan maksud surah-surah tersebut, iaitu antara 38% hingga 50%. Sementara itu, peratusan yang memahami keseluruhan maksud surah-surah tersebut adalah sedikit, hanya dalam lingkungan 4% hingga 29% sahaja. Walau bagaimanapun, masih ramai lagi pelajar yang tidak memahami keseluruhan maksud surah-surah tersebut iaitu antara 13% hingga 30%. Perkara ini berlaku kemungkinan disebabkan pelajar kurang peka pada makna surah-surah tersebut, sebaliknya tetapi lebih fokus hanya kepada bacaan semata-mata.

Ada pun berkaitan dengan doa-doa pilihan, iaitu doa memohon keampunan untuk ibubapa, doa memohon ketetapan hati, doa menyesali kesalahan dan doa memohon keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat, hasil kajian mendapati peratusan yang memahami keseluruhan doa-doa tersebut ialah antara 30% hingga 59%. Peratusan yang paling tinggi ialah pada doa memohon keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan akhirat iaitu 59%, kemudian diikuti doa memohon keampunan kedua ibu bapa iaitu 56%. Sementara itu, peratusan yang memahami sedikit dan sebahagian sahaja maksud doa-doa tersebut ialah antara 16% hingga 34%. Namun demikian, masih terdapat pelajar yang tidak memahami langsung maksud doa-doa tersebut iaitu dalam lingkungan 5% hingga 15%. Walaupun peratusan ini sedikit, doa yang dibaca dan dipohon kepada Allah SWT akan lebih bermakna jika difahami maksudnya dan akan membawa keyakinan kepada permohonan yang diharapkan.

KESIMPULAN

Langkah yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak yang berkaitan dengan mengemukakan idea dan mengorak langkah ke arah memantapkan tahap penguasaan dan kefahaman bahasa Arab dalam ibadah secara khusus. Guru-guru perlu memainkan peranan penting bagi membantu usaha baik ini. Penekanan yang lebih serius harus diberikan ke atas kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam kemahiran asas bahasa Arab dan pendidikan Islam. Hal ini disebabkan mata pelajaran bahasa Arab dan pendidikan Islam adalah

saling berkait rapat antara satu dengan yang lain. Ibadah diajar dalam mata pelajaran pendidikan Islam, namun bahasa yang digunakan dalam ibadah adalah bahasa Arab. Pelaksanaan PAFA di sekolah rendah dan menengah dan begitu juga program j-QAF yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di sekolah-sekolah rendah harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh guru-guru. Murid tidak hanya disuruh mengingat dan menghafal semata-mata bacaan dalam solat, surah-surah lazim, doa-doa dan semua pelajaran yang berkaitan dengan ibadah, tetapi mereka harus turut memahami maksud setiap bacaan dalam ibadah supaya lebih menghayati apa yang dibaca dan menjadikan ibadah mereka lebih berkualiti.

Di samping itu, kaedah pengajaran yang pelbagai dan lebih interaktif boleh menarik minat pelajar dan membolehkan mereka mengingati serta memahami isi kandungan yang dipelajari dengan lebih mudah. Selain itu, para pelajar hendaklah mendalami ilmu agama dengan mengikuti kelas-kelas fardu ain yang dianjurkan di masjid-masjid di samping membaca buku-buku yang berkaitan dengan ibadah sehari-hari kerana kekhusukan dalam ibadah boleh dipertingkatkan apabila dapat menguasai dan meningkatkan kefahaman dalam setiap bacaan dalam solat. Hati dan jiwa akan lebih ikhlas, tunduk serta rendah diri mengharapkan keredaan daripada Allah SWT.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

- Ab. Halim Mohamad & Wan Muhammad Wan Sulong. (2004). Prosiding 3rd International Conference on Islamic Education (ICIED 2013), pg: 437-446. Published by Association of Malaysia Muslim Intellectuals (PIMM) in collaboration with The Islamic Academy Cambridge, United Kingdom.
- Abū Daūd, Sulaymān ibn al-Ash'ath al-Sijistānī. (t.th.). *Sunan Abī Daūd*. Arab Saudi: Bayt al- Afkār al-Dawliyyah.
- Ibrahim Hashim & Isahak Haron. (2012). *Fahami bacaan dalam solatmu*. Selangor: Percetakan Zaffar Sdn. Bhd.
- Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Abd Hamid. (2009). *Indahnya hidup bersyariat, modul fardu ain diri, keluarga dan masyarakat sepanjang hayat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Kamarul Shukri Mat The & Mohd Shahrizal Nasir. (2012). Prosiding Seminar Agama dan Masyarakat, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah.

- Mustafā al-Khīn. (2008). *Al-Fiqh al-Manhajī (Jilid pertama)*. Beirut: Dār al-Shāmiyyah.
- Saḥīḥ al-Bukhārī*. (2005). Terjemahan H. Zainuddin Hamidy et al., Jilid pertama. Kuala Lumpur: Klang Book Centre.
- Sanihiyyah Mz. 2007. *Tuntutan Shalat Sunnat Lengkap disertai Doa dan Zikir*, Surabaya: Putra Jaya Surabaya.
- Sheikh Muhammad Basmeih. (2001). *Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian Al-Quran 30 Juz*. Selangor: Dār al-Kitāb.
- <http://www.alquran-melayu.com/>. Jalaluddin al-Suyūṭi. 2002.
- <http://www.alquran-melayu.com/113/>. Terjemahan Al-Quran dalam Bahasa Melayu oleh Syeikh Abdullah Basmeih.

MANU

Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa
(Journal of the Centre for the Promotion of Knowledge & Language Learning)

